

RINGKASAN UCAPAN ALUAN YBHG. DATUK BANDAR

Beliau mengaluakan kehadiran Yang Berhormat Dato' Haji Badrol Hisham Bin Hashim dan Tuan Haji Esa Bin Hj. Ahmad, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan ke Sesi 'Town Hall' Landskap Perbandaran Majlis Bandaraya Alor Setar.

Beliau juga merakamkan ucapan penghargaan kepada Jabatan Landskap Negara di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana sudi memilih Majlis Bandaraya Alor Setar di Negeri Kedah ini bersama empat lagi kawasan pentadbiran di Negeri yang lain sebagai perintis Landskap Perbandaran untuk dijalankan pembangunan di kawasan sekitar. Beliau mengucapkan terima kasih kepada warga kerja MBAS dan Urusetia program kerana telah bertungkus-lumus dan berjaya menganjurkan program pada hari ini.

Beliau menjelaskan mengenai perubahan era pentadbiran sosio-politik-ekonomi secara global yang turut memberi kesan terhadap masyarakat sekarang yang mengharapkan kualiti perkhidmatan PBT lebih cemerlang. Justeru, kecekapan PBT akan memainkan peranan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Bagi memenuhi hasrat ini, pembangunan landskap perbandaran di dalam kawasan pentadbiran Alor Setar akan dijalankan berdasarkan Pelan Induk Landskap Majlis Bandaraya Alor Setar yang telah dirangka oleh JLN sejak Tahun 2010 lagi.

Beliau telah sedia maklum bahawa kawasan pembangunan Landskap Pembangunan ini akan merangkumi kawasan Koridor Sungai Raja, Jalan Teluk Wanjah, Lebuhraya Darul Aman, Medan Tunku dan Jalan Tunku Ibrahim, Jalan Sultan Badlishah dan Star Walk, Jalan Kolam Air serta Jalan Stesen. Konsep yang diketengahkan oleh JLN ini yang menekankan untuk 'Memanfaatkan Kuasa Alam Semula Jadi' dilihat selari dengan matlamat Bandaraya Alor Setar untuk menjadikan Bandaraya ini dinamik dan progresif serta dijulang identitinya selaku Bandaraya Warisan Dalam Taman.

Beliau memaklumkan Townhall Landskap Perbandaran yang dilaksanakan hari ini bukanlah hanya sekadar platform untuk menyampaikan taklimat mengenai perancangan pembangunan landskap yang ingin dijalankan di Bandaraya Alor Setar, malah turut mengaluakan penyertaan orang awam untuk mengemukakan sebarang cadangan dan suara atau pendapat bagi membantu pihak pelaksana agar dapat mengambil kira semua ekpektasi setiap lapisan penduduk Bandaraya Alor Setar agar bersesuaian dengan kehendak semua.

Beliau juga meletakkan harapan semoga Sesi Town Hall Landskap Perbandaran yang diadakan hari ini dapat mengumpul pandangan dari setiap lapisan penduduk ke arah penambahbaikan Bandaraya Alor Setar. Bagi MBAS, harapan paling utama adalah supaya projek pembangunan ini dapat berjalan dengan lancar tanpa ada sebarang masalah dan siap mengikut tempoh waktu yang ditetapkan supaya warga Bandaraya Alor Setar dapat menikmati kemudahan yang disediakan ini dengan segera dan selamat.

Selain itu juga, MBAS berharap agar kemudahan-kemudahan yang bakal dinikmati bersama oleh semua warga Bandaraya Alor Setar ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan dan digunakan dengan baik, malah dipelihara dan dijaga bersama-sama bukan saja untuk generasi hari ini malah kepada generasi akan datang nanti. Anggaplah setiap kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini sebagai aset atau harta kita bersama. Beliau juga berharap, penduduk Bandaraya Alor Setar akan sentiasa memberi sokongan yang jitu kepada pentadbiran MBAS dalam merealisasikan segala perancangan yang ada untuk kesejahteraan bersama.

TOWN HALL

RINGKASAN PEMBENTANGAN DARI BAHAGIAN LANDSKAP DAN REKREASI

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Jabatan Landskap Negara membentangkan taklimat mengenai Landskap Perbandaran Bandaraya Alor Setar. Berikut adalah kandungan taklimat beliau:-

1. Pengenalan

Landskap Perbandaran Alor Setar direkabentuk bagi menyediakan infrastruktur hijau di kawasan tepu bina bagi mewujudkan kesinambungan yang sistematik di kawasan bandar. Rekabentuk ini disasarkan dan disesuaikan kepada semua peringkat umur pengguna. Kawasan yang terlibat didalam rekabentuk landskap perbandaran ini adalah:

- i. Bulatan Teluk Wan Jah
- ii. Medan Tunku
- iii. Starwalk
- iv. Sungai Raja
- v. Jalan Sultan Badlishah
- vi. Lebuhraya Darul Aman
- vii. Jalan Langgar
- viii. Jalan Stesen

2. Ringkasan ucapan YB Dato' Haji Badrol Hisham bin Hashim:

- i. Beliau menerangkan mengenai tujuan perjumpaan ini diadakan adalah kerana tidak mahu perancangan ini dibuat khusus hanya antara pihak MBAS dengan JLN tanpa penglibatan-penglibatan serta pendapat daripada orang awam/rakyat.
- ii. Beliau menjelaskan secara ringkas kesemua kawasan yang terlibat dengan projek landskap perbandaran.
- iii. Beliau juga turut menyatakan harapan serta sokongan beliau ke atas projek ini dan mengharapkan kerjasama dari para peniaga yang perlu berpindah lokasi perniagaan sementara mendapat tapak perniagaan yang baharu.

3. Wakil dari JLN memberikan penerangan yang seterusnya iaitu Matlamat rekabentuk:

- i. Menaik taraf peralatan landskap sedia ada bagi menonjolkan kecantikan bandaraya Alor Setar.
- ii. Mengenalpasti kawasan tumpuan orang ramai yang sesuai untuk dinaiktaraf dan dicantikkan.
- iii. Mengalakkan orang ramai berjalan kaki dan berbasikal di sekitar Bandaraya Alor setar dengan menghubungkan laluan pejalan kaki/berbasikal ke kawasan tumpuan orang ramai.

4. Rekabentuk Landskap Perbandaran

Pelan Induk Landskap Perbandaran Bandaraya Alor Setar dibahagikan kepada tiga ruang landskap utama mengikut fungsi ruang iaitu:

i. Landskap legaran bandar :

Merupakan kawasan tumpuan orang ramai yang berhampiran pusat komersial, perniagaan dan pentadbiran. Kawasan ini meliputi Bulatan Teluk Wan Jah, Medan Tunku dan Starwalk.

ii. Landskap koridor sungai :

Merupakan kawasan riadah yang terletak di sekitar kawasan Sungai Raja. Ia menghubungkan kawasan pentadbiran yang terletak di Jalan Sultan Badlishah, pusat komersial di Starwalk, hub perkhidmatan bas dan teksi di Medan Tunku dan pusat pelancongan di sekitar Masjid Zahir dan Menara Alor Setar.

iii. Landskap jaringan hijau :

Merupakan ruang laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal yang menghubungkan tempat-tempat penting di dalam pusat bandar Alor Setar. Laluan ini meliputi Jalan Sultan Badlishah, Jalan Teluk Wan Jah, sebahagian Lebuhraya Darul Aman, Jalan Tunku Ibrahim, Jalan Langgar dan Jalan Stesen.

5. **Konsep reka bentuk** adalah **Warisan Perjalanan Hijau** dan konsep ini mengambil kira **empat faktor** setempat iaitu **sejarah, kesenian, sungai dan perbandaran**.

:: Faktor sejarah dan kesenian :

Berkait rapat dengan Institusi Diraja Sultan Kedah. Daerah Alor Setar terkenal sebagai negeri jelapang padi memandangkan aktiviti utama bagi daerah Alor Setar ialah penanaman padi.

:: Sungai :

Merupakan nadi kepada Bandaraya Alor Setar pada suatu ketika dahulu dan juga merupakan sumber air utama bagi pertanian (penanaman padi) dan pengangkutan sampan.

:: Bandaraya Alor Setar :

Merupakan pusat komersial dan pentadbiran utama yang membentuk satu sistem perbandaran yang lengkap.

6. Faktor-faktor setempat ini **ditransformasikan kepada tiga elemen utama** yang menjadi teras kepada konsep '**Warisan Perjalanan Hijau Bandaraya Alor Setar**'.

Warisan : Ditonjolkan melalui figura pokok padi sebagai identiti Alor Setar dan warna kuning keemasan melambangkan kesultanan Kedah.

Laluan pejalan kaki : jaringan pejalan kaki yang bersambung ini membentuk satu laluan pejalan kaki yang menyusuri warisan bandaraya Alor Setar.

Hijau : landskap lembut digunakan bagi mencantikkan kualiti visual sekitar Alor Setar.

7. Pendekatan Rekabentuk:

- i. Bulatan Teluk Wan Jah; Pendekatan rekabentuk yang diguna pakai di kawasan ini adalah:
 - a) Membina dan mengindahkan bulatan Teluk Wan Jah dengan sentuhan kreatif landskap yang menonjolkan identiti Bandaraya Alor Setar.
 - b) Memberi kesan 'sense of welcoming' melalui pembangunan arca yang dapat menarik perhatian pengunjung.
 - c) Mewujudkan 'pocket park' di bawah ROB serta menyediakan kemudahan perabot landskap yang membolehkan orang ramai berehat dan menikmati keindahan bulatan Teluk Wan Jah.

8. Pelan Landskap Medan Tunku; Pendekatan rekabentuk bagi kawasan Medan Tunku adalah:

- Merekabentuk laluan pejalan kaki dengan menggunakan paver bercorak yang lebih jelas dan dapat membezakan laluan tersebut dengan laluan kenderaan.
- Menyusun atur semula lot parking kereta bagi menyesuaikan dengan kawasan gerai bazar bulan Ramadhan
- Menyediakan laluan pejalan kaki dan laluan basikal yang menghubungkan koridor Sungai Raja dan Starwalk
- Mempertingkatkan keselamatan pengguna laluan pejalan kaki dan laluan berbasikal dengan penggunaan tanaman renek, susur tangan dan bollard bagi membezakannya dengan laluan kenderaan.

9. Pendekatan rekabentuk bagi kawasan Sungai Raja adalah:

- Membaik pulih laluan pejalan kaki yang sedia ada
- Membina gerbang dan 'viewing deck' bagi menarik perhatian pejalan kaki dari Medan Tunku, Starwalk serta Jalan Tunku Ibrahim
- Membina dan mengindahkan Dataran Sungai Raja sebagai tempat tumpuan orang ramai
- Membina bangku taman dan wakaf untuk kegunaan orang ramai berehat dan berteduh daripada panas dan hujan
- Menyediakan peralatan permainan kanak-kanak dan peralatan senaman untuk menggalakkan warga bandar melakukan aktiviti beriadah
- Mengindahkan pagar konkrit Muzium Diraja dengan lukisan mural yang menceritakan majlis sambutan perkahwinan Diraja Kedah.
- Menyediakan arca sejarah Alor Setar untuk info
- Menyediakan tapak gerai bagi menggalakkan orang ramai ke kawasan ini

10. Pendekatan rekabentuk bagi kawasan Jalan Stesen KTM adalah:
- i. Jalan Stesen terletak di bahagian selatan Pusat Bandar Alor Setar. Jalan ini mudah diakses dari Jalan Langgar dan Jalan Kolam Air serta jalan ini juga bersambung dengan Starwalk. Terdapat Stesen KTM di Jalan Stesen yang menjadi pintu masuk utama pengguna kereta api ke Pusat Bandar Alor Setar. Perjalan berjalan kaki hanya mengambil 1KM untuk ke Starwalk dan Jalan Langgar.

SESI SOAL JAWAB

Encik Nor Muhammad (Peniaga Kedai Rojak Madu Hadapan Kedah Shopping Center)

1. Beliau berpendapat sepatutnya pihak MBAS memanggil wakil-wakil peniaga di setiap kawasan yang terlibat dan minta pandangan para peniaga berkenaan projek yang akan dijalankan untuk membincangkan lokasi baharu peniaga.

Tindakan: Bhg. Landskap & Rekreasi

Tengku Munirah

Wakil Dewan Perniagaan Melayu Negeri Kedah

1. Beliau ingin penjelasan adakah kerja-kerja pembinaan di Sungai Kedah sepanjang Muzium Kedah akan menghalang pandangan orang ramai dan adakah tempat letak kenderaan bagi ahli Dewan Perniagaan disediakan semasa kerja-kerja pembinaan dilakukan.

Tindakan: Bhg. Landskap & Rekreasi

2. Beliau turut mencadangkan gerai-gerai di sekitar Alor Setar diberi keseragaman agar nampak bersih dan menarik.

Tindakan: Bhg. Arkitek & Kawalan Bangunan

3. Beliau menyatakan persetujuan beliau mengenai hubungan komunikasi antara pihak MBAS dan peniaga perlu dipertingkatkan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

4. Beliau mencadangkan pihak MBAS menambah lot tempat letak kenderaan di kawasan Alor Setar dan lebih elok jika dapat bangunan TLK bertingkat.

Tindakan: Bhg. Pengurusan Harta

5. Beliau memaklumkan masalah 'banner', papan tanda dan 'fuse board' yang diletakkan secara tidak sistematik mengganggu pandangan pengguna jalan raya.

Tindakan: Bhg. Penguatkuasaan & Keselamatan

MAKLUMBALAS DARI TUAN SETIAUSAHA, MBAS

1. Beliau memaklumkan pihak MBAS sentiasa memikirkan kebajikan para peniaga dan beliau memaklumkan tapak perniagaan yang baharu akan disediakan di belakang Hotel Regency di samping turut menyediakan kemudahan asas seperti air, elektrik dan sebagainya.

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

2. Beliau memberikan jaminan bahawa tapak perniagaan yang baharu akan disediakan dengan sebaik mungkin dan akan memuaskan hati peniaga.

3. Beliau turut memaklumkan semua peniaga Bazar Ramadan akan dipindahkan ke perkarangan Stadium Darul Aman.
4. Beliau menyatakan mengenai Projek Tebatan Banjir adalah projek dari pihak JPS dan diberi peruntukan oleh Kerajaan Pusat. Rekabentuk adalah ditentukan oleh pihak JPS sendiri dan taklimat akan diberikan pada 1 Mac 2017.
5. Beliau memberi maklumbalas mengenai tempat letak kenderaan bertingkat yang telah dicadangkan akan dipertimbangkan dan pihak MBAS sememangnya sedang berusaha untuk meluaskan kawasan tempat letak kenderaan di dalam kawasan Bandaraya Alor Setar.
6. Beliau turut memberi syor jika 'median' yang dicadangkan di kawasan *Starwalk* tidak diletakkan pokok-pokok yang mungkin akan mengganggu kawasan tersebut pada masa akan datang.
7. Beliau memberi jawapan mengenai 'banner' yang digantung tidak mengikut syarat yang ditetapkan akan dibuat penguatkuasaan cuma sikap manusia yang sering melanggar peraturan telah menyebabkan penguatkuasaan yang dibuat tidak berkesan.

MAKLUMBALAS DARI KETUA BAHAGIAN LANDSKAP & REKREASI

1. Beliau memaklumkan dataran *Starwalk* asalnya dicadangkan sebagai kawasan dataran sahaja tanpa sebarang hiasan landskap.
2. Pokok-pokok yang dicadangkan adalah 'potted plant' yang boleh dipindahkan dan dataran tersebut boleh dikosongkan pada masa tertentu.

Encik Borhanudin bin Mohd Ali
Persatuan Penjaja Melayu Kuala Kedah

1. Beliau syor supaya pihak MBAS mengadakan Unit Usahawan bagi tujuan mendidik peniaga supaya mengikut peraturan yang ditetapkan serta sebagai satu tempat untuk mendapatkan pandangan mengenai perniagaan.
2. Beliau turut mencadangkan agar pihak MBAS memberikan kursus kepada para peniaga untuk membuka minda mereka dalam memahami kehendak bandaraya terhadap perniagaan dalam kawasan bandar yang perlu nampak cantik dan bersih.

Tindakan: Makluman

MAKLUMBALAS DARI PENGARAH JABATAN PERANCANGAN KORPORAT & KEMASYARAKATAN

1. Beliau memaklumkan pihak MBAS tidak mempunyai peruntukan untuk menanggung kos latihan dan kursus kepada peniaga.

2. Beliau turut memaklumkan bahawa Unit Usahawan telah wujud di dalam MBAS di mana bahagian tersebut menguruskan penjaja dan tugas-tugas berkaitan usahawan dilakukan di bahagian berkenaan.

Tindakan: Makluman

Encik Ah Heng (Orang awam, penduduk Taman Sultan)

1. Beliau ingin penjelasan adakah pihak MBAS akan mengkaji semula semua jalan sehala di sekitar bandaraya Alor Setar.

MAKLUMBALAS DARI PENGARAH JABATAN PERANCANGAN KORPORAT & KEMASYARAKATAN

1. Beliau memaklumkan pihak JKR, Unit Trafik dan Bahagian Jalan & Lalulintas adalah pihak yang bertanggungjawab mengenai jalan dan trafik dalam kawasan Bandaraya Alor Setar. Jalan sehala yang sedia ada adalah hasil dari kajian terdahulu dan mengikut kesesuaian buat masa ini.

Tindakan: Makluman

MAKLUMBALAS DARI TUAN SETIAUSAHA

1. Beliau memaklumkan jalan dan lalulintas ini melibatkan banyak bidang kuasa dan perlukan banyak keputusan sebulat suara. Perlu ada satu kajian oleh pihak-pihak tertentu. Sebarang cadangan mengenai jalan yang sesuai dibuat sebagai jalan sehala boleh berurusan dengan pihak-pihak berkenaan.

Tindakan: Makluman

MAKLUMBALAS DARI JABATAN LANDSKAP NEGARA

1. Beliau memaklumkan mengenai penutupan jalan semasa projek ini dilaksanakan terutama di Jalan Tunku, *Starwalk*, dan Jalan Sultan Badlishah yang melibatkan gerai-gerai peniaga manakala di sepanjang Jalan Medan Tuanku hanya melibatkan orang awam.

Tindakan: Makluman

UCAPAN PENUTUP DARI TUAN SETIAUSAHA, MBAS

Beliau memohon maaf kepada para peniaga yang merasakan pihak MBAS tidak mengambil kira pandangan serta merasa terabai dari segi kebajikan dan beliau menyatakan perlu ada sedikit pengorbanan dari pelbagai sudut untuk kebaikan bersama pada masa akan datang. Beliau mengalu-alukan kehadiran semua peniaga untuk datang ke Pejabat MBAS sekiranya ada aduan, cadangan, perbincangan dan sebagainya.